

Malaysia, Poland perlu promosi riegara: PM

BH 23 M 2002
Daripada Ahmad
Rejal Arbee

WARSAW, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan Malaysia dan Poland mengadakan promosi untuk memperkenalkan produk masing-masing, termasuk pelancongan kepada rakyat kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, program berkenaan membolehkan kedua-dua negara mempromosikan negara masing-masing untuk mendekat dan menggalakkan rakyat melawat antara satu sama lain.

Beliau berkata demikian

ketika berdialog dengan ahli perniagaan Poland selepas menyampaikan ucapan pada majlis perjumpaan pemimpin korporat kedua-dua negara bagi mencari jalan meningkatkan hubungan. Hadir sama Perdana Menteri Poland, Leszek Miller.

Menjawab soalan, Dr Mahathir mengakui rakyat kedua-dua negara kurang pengetahuan mengenai Malaysia dan Poland yang boleh diatasi dengan mempromosikan negara masing-masing.

Sehubungan itu, beliau berkata, Malaysia perlu menubuhkan pusat penerangan di Poland walaupun kini lebih ramai rak-

yat negara itu melawat Malaysia berbanding rakyat Malaysia melawat Poland.

"Kewujudan Kedutaan Malaysia di Warsaw saja tidak memadai untuk melaksanakan usaha promosi itu," katanya.

Dr Mahathir mencadangkan, buat permulaan, ejen pelancongan kedua-dua negara mengadakan penerangan sewa khas dua atau tiga kali seminggu.

Tahun lalu 30,000 rakyat Poland melawat Malaysia dengan kehanyakannya ke Langkawi, Pulau Pinang dan Sarawak.

Hari ini, Perdana Menteri dan sebahagian ang-

gota rombongan melawat Gdansk, iaitu pelabuhan terhesar Poland di Lautan Baltik yang terletak kira-kira 350 kilometer ke utara Warsaw untuk menyaksikan demonstrasi beberapa kapal Tentera Laut Poland.

Poland dikatakan berhasrat menunjukkan kemampuan kapal peronda dan penangkis periuk api

kuatannya. Negara itu sedang melobi supaya Malaysia membeli pelbagai kelengkapan tentera dari negara itu dalam usaha memodenkan pelbagai cawangan ketenteraannya.

Satu daripadanya ialah kereta kebal PT 91 yang sedang diuji pegawai dari Kementerian Pertahanan. Lapan negara mengemuka-

kan tawaran dalam usaha Malaysia untuk melengkapkan Kor Amor Tentera Darat.

Menjawab soalan wartawan Poland sebelum ini, Dr Mahathir berkata, kereta kebal itu adalah pilihan utama dalam penilaian Malaysia.

Antara negara lain yang mengemukakan tawaran untuk membekalkan kereta

kebal ialah Russia, Ukraine, Sweden, Pakistan, India dan China.

Dr Mahathir kemudian menunaikan solat Jumaat di Masjid Gdansk-Oliwa dan menyampaikan derma US\$5,000 (kira-kira RM19,500) kepada masjid itu. Ada hampir 1,000 umat Islam di kawasan itu, kebanyakannya keturunan Tartar.